



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 11 Tahun 2022

TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN / TANPA BIASISWA KEPADA STAF PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA) UiTM BAGI PENGAJIAN DI PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA SESI PENGAJIAN TAHUN 2022

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan mempelawa Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) Universiti Teknologi MARA (Gred 11 hingga Gred 40) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa atau Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (dengan tajaan yuran pengajian) bagi mengikuti pengajian di peringkat Diploma (Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga Gred 28) dan Ijazah Sarjana Muda (Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga Gred 40) sesi pengajian tahun 2022.
- 1.2 Staf yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan atau sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 64/2022 pada 03 Februari 2022 telah bersetuju dengan cadangan dasar penambahbaikan syarat bagi tawaran Cuti Belajar Bergaji Penuh peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda kepada Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) di mana kemudahan ini akan dibuka kepada kumpulan pelaksana di Gred 11 hingga Gred 40.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 47/2022 pada 24 Januari 2022 telah mengesahkan syarat-syarat permohonan tawaran Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan / Tanpa Biasiswa Kepada Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) UiTM bagi pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sesi pengajian tahun 2022.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Staf yang layak memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

Diploma (Terbuka untuk staf Kumpulan Pelaksana di Gred 11 hingga 28)	Ijazah Sarjana Muda (Terbuka untuk staf Kumpulan Pelaksana di Gred 29 hingga 40)
<p>i. Warganegara Malaysia;</p> <p>ii. Berjawatan tetap;</p> <p>iii. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;</p> <p>iv. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan UiTM dalam lantikan tetap;</p> <p>v. Berumur tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh iklan ditutup;</p> <p>vi. Bebas daripada tempoh tindakan tatatertib;</p> <p>vii. Penilaian Prestasi Tahunan adalah: a) minimum 90% untuk tempoh tiga</p>	<p>i. Warganegara Malaysia;</p> <p>ii. Berjawatan tetap;</p> <p>iii. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;</p> <p>iv. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan UiTM dalam lantikan tetap;</p> <p>v. Berumur tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh iklan ditutup;</p> <p>vi. Bebas daripada tempoh tindakan tatatertib;</p> <p>vii. Penilaian Prestasi Tahunan adalah: a) minimum 90% untuk tempoh tiga</p>

Diploma (Terbuka untuk staf Kumpulan Pelaksana di Gred 11 hingga 28)	Ijazah Sarjana Muda (Terbuka untuk staf Kumpulan Pelaksana di Gred 29 hingga 40)
<p>(3) tahun berturut-turut (kelayakan dengan biasiswa); atau</p> <p>b) minimum 85% untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (kelayakan tanpa biasiswa dengan tajaan yuran pengajian sahaja)</p> <p>viii. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan di UiTM; dan</p> <p>ix. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.</p> <p>x. Mempunyai kelayakan SPM atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan mengikut program yang dipohon.</p>	<p>(3) tahun berturut-turut (kelayakan dengan biasiswa); atau</p> <p>b) minimum 85% untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (kelayakan tanpa biasiswa dengan tajaan yuran pengajian sahaja)</p> <p>viii. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan di UiTM;</p> <p>ix. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa; dan</p> <p>x. Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA 3.00 dan ke atas atau yang setaraf dengannya dan memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan mengikut program yang dipohon.</p>

- 3.2 Permohonan daripada staf yang telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.3 Pemohon mestilah tidak pernah menerima biasiswa ini bagi peringkat pengajian yang dipohon.
- 3.4 Pemohon mestilah bebas daripada senarai hitam peminjam PTPTN.
- 3.5 Tempoh pengajian dan cuti belajar adalah tertakluk kepada pelan pengajian dan keputusan Universiti.

- 3.6 Kursus yang diikuti mestilah berkaitan dengan tugas hakiki pemohon dan bertujuan untuk kepentingan perkhidmatan.
- 3.7 Tempat pengajian adalah di UiTM sahaja.
- 3.8 Calon yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan ke UiTM bagi program Diploma atau Sarjana Muda yang akan diikuti.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
 - i. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian **mulai 17 Februari 2022** melalui sistem e-Biasiswa Pelaksana dengan melayari laman web rasmi UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
 - ii. Permohonan yang tidak melalui e-Biasiswa Pelaksana tidak akan diproses.
 - iii. Permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar serta tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
 - iv. **Tarikh tutup permohonan** adalah pada **03 Mac 2022**.
- 4.2 Garis masa permohonan adalah seperti berikut :

Bil.	Tarikh	Perkara/ Aktiviti	Tindakan
ii.	17.02.2022	Pekeliling Pendaftar Bil. 11 Tahun 2022 dikeluarkan.	Calon memahami syarat-syarat dan tatacara permohonan serta membuat persediaan.
iii.	17.02.2022 hingga 03.03.2022	<p>*17.02.2022 – 28.02.2022: Calon membuat permohonan melalui e-Biasiswa Pelaksana.</p> <p>*01.03.2022 – 03.03.2022: Semakan dan perakuan sokongan oleh PTJ melalui e-Biasiswa Pelaksana.</p> <p><i>*tarikh yang dinyatakan adalah cadangan oleh urusetia BKK dan tertakluk kepada pelaksanaan di PTJ.</i></p>	<p>Calon melengkapkan permohonan di sistem e-Biasiswa Pelaksana.</p> <p>PTJ membuat semakan dan perakuan pada permohonan calon melalui e-Biasiswa Pelaksana.</p>
iv.	03.03.2022	Tarikh tutup permohonan.	Permohonan yang tidak lengkap termasuk yang tidak mendapat perakuan sokongan PTJ selepas tarikh tutup permohonan tidak akan diproses ke peringkat seterusnya.

4.3 Pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga oleh Bahagian Kemajuan Kerjaya.

4.4 Keputusan permohonan adalah di bawah kuasa Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM), Universiti Teknologi MARA dan muktamad.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

5.1 Pekeliling dikeluarkan pada 17 Februari 2022.

6.0 TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Februari 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.11/2022)